

**PENGUASAAN BACAAN RUKUN QAULI DALAM SOLAT DI KALANGAN
MURID TAHUN 4 DI SEKOLAH KEBANGSAAN PELABUHAN KLANG**

Zaiton binti Nordin

(No Matrik: 1122528)

Latihan ilmiah ini dikemukakan untuk memenuhi syarat memperolehi

IJAZAH SARJANA MUDA (PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH)

DENGAN KEPUJIAN

Fakulti Pengajian Bahasa Utama

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Nilai

Julai 2016

PENAKUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Adalah saya mengakui bahawa hasil kajian ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali petikan dan ringkasan yang telah saya maklumkan sumbernya.

Tarikh: Julai 2016

Tandatangan :
Nama : Zaiton binti Nordin
No Matrik :1122528
Alamat :No 51 Lrg Demang 5C ,
Taman Syahbandaraya,
Kampung Jawa
41000 Klang
Selangor Darul Ehsan

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W serta keluarga dan para sahabat yang mulia dan terpilih.

Syukur Alhamdulillah segala puji-pujian bagi Allah yang Maha Esa kerana akhirnya saya berjaya menyelesaikan latihan ilmiah dengan baik. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah Dr Fariza Puteh Behak di atas bimbingan dan sentiasa memberi tunjuk ajar.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada pihak Sekolah Kebangsaan Pelabuhan Klang yang telah memberi kebenaran dan kerjasama yang amat baik sepanjang saya menjalankan kajian ini.

Tidak dilupakan terima kasih tidak terhingga kepada keluarga tersayang, suami Othman bin Ibrahim dan buah hatiku anak-anak, Siti Hajar, Siti Zulaikha dan Ahmad Zaid yang sentiasa memberi kekuatan dan semangat untuk meneruskan perjuangan dan rakan-rakan sekolah yang banyak memberi kerjasama serta tidak ketinggalan rakan-rakan di USIM.

Akhir kata, sekalung terima kasih buat semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu menjayakan kajian ini . Semoga Allah S.W.T membalas pengorbanan yang diberikan.

Abstrak

Kajian ini adalah untuk melihat penguasaan bacaan rukun qauli dalam solat di kalangan murid Tahun Empat di Sekolah Kebangsaan Pelabuhan Klang. Seramai 10 orang terlibat dalam kajian ini. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah ujian pra, pos pertama dan kedua, pemerhatian dan temubual yang mengandungi persepsi murid terhadap pembelajaran dan pengajaran dengan menggunakan kaedah kad dan kaedah simulasi berbantuan powerpoint. Hasil dapatan kajian menunjukkan peningkatan terhadap penguasaan murid dalam bacaan rukun qauli dalam solat selepas penggunaan kaedah simulasi berbantuan powerpoint berbanding pembelajaran dan pembelajaran menggunakan kad. Cadangan kajian lanjutan yang boleh dijalankan ialah dengan menambah baik kaedah yang sedia ada supaya kajian ini boleh dilaksanakan kepada semua murid sama ada tahap satu atau dua bagi memantapkan bacaan rukun qauli dalam solat dengan baik.

Abstract

This research is to show the proficiency in the reciting of Rukun Qauli during prayers among Standard 4 students in Sekolah Kebangsaan Pelabuhan Klang. 10 students have been selected for this research. Instruments that have been used for this research are the pre-test, the first and second posts, observing and interviewing the students about students' perspectives on studying and teaching between cards and simulations by using power points. The result of this survey shows the increasing of students' proficiency in reciting the Rukun Qauli in their prayers after using the simulations method by using power points compared to another method which is using cards. For further research and recommendation is to improve the method that has been used so that all students from lower primary to upper primary to enhance the proficiency in the reciting of Rukun Qauli during prayers.

BAB 1

PENGUASAAN BACAAN RUKUN QAULI DALAM SOLAT DALAM KALANGAN MURID TAHUN 4 DI SEKOLAH KEBANGSAAN PELABUHAN KLANG

Pengenalan

1.0 Prebiu Bab 1

Bab ini akan membincangkan secara ringkas tentang latar belakang kajian di mana akan menyentuh tentang kewajipan ibadah solat secara umum. Perbincangan seterusnya adalah tentang penyataan masalah kajian yang akan mencari jawapan dalam permasalahan pembacaan rukun qauli. Bab ini juga akan membincangkan tentang objektif kajian, persoalan kajian, kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, batasan/limitasi kajian dan definisi operasional untuk kajian ini.

1.1 Latar Belakang Kajian

Solat merupakan perintah wajib Allah kepada individu muslim berdasarkan firman Allah di dalam surah al-Baqarah ayat 43 maksudnya: *"dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk"*. Sabda Rasulullah s.a.w :*maksudnya "di tegakkan*

Islam atas lima, pengakuan syahadah iaitu tidak ada Tuhan (yang disembah yang sebenarnya) melainkan Allah, pengakuan bahawa Nabi Muhammad Rasulullah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, menunaikan haji dan berpuasa di bulan Ramadhan” (Hadis Riwayat al-Bukhari dari Ibn Hibban).

Rukun qauli adalah merupakan rukun yang termasuk di dalam rukun solat di mana denganketiadaan rukun qauli tersebut akan menyebabkan sembahyang seseorang terbatal. Menurut Kamus Dewan, rukun adalah tiang, asas ataupun sendi. Manakala qauli pula yang dipinjamkan perkataan daripada bahasa Arab yang bermaksud ucapan. Manakala solat pula bermaksud sembahyang dalam agama Islam.

Di dalam Islam rukun qauli yang merupakan perkara rukun seiring dengan perkara rukun yang lain termasuk juga rukun fi’li. Menurut Ibnu Qaiyim Al-Jauziyah (2006), betapa pentingnya kita menjaga rukun qauli yang merupakan sebahagian daripada rukun solat seperti yang diperkatakan oleh pendapat Ibnu Uqail. Beliau berkata: Hukumnya sama dengan hokummeninggalkan solat dan boleh juga kita mengatakan wajib dibunuh. Sementara Al-Syeikh Abu Al-Barakat (Ibnu Taimiyah) mengatakan: ia harus mengulanginya, tidak dibunuh kerana hal tersebut. Demikian merupakan pendapat dua orang ulama Fiqh yang menekankan tentang kepentingan solat beserta rukun yang ada pada solat tersebut.

Seperti mana yang kita ketahui, rukun qauli merupakan ucapan yang wajib di dalam sembahyang. Menurut Abdullah Al-Qari Hj. Salleh (2001) terdapat lima tempat bacaan yang wajib dibaca di dalam solat iaitu pada bacaan takbiratul-ihram, bacaan Al-Fatihah, bacaan tahiyyat akhir, bacaan Selawat di dalam tahiyyat akhir dan bacaan

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 Prebiu Bab 2

Bab dua mempunyai pendahuluan bab seterusnya menerangkan empat bahagian utama iaitu bahagian pertama dan kedua membincangkan mengenai pendidikan solat dan kepentingan menguasai rukun qauli di dalam solat, manakala penggunaan teknologi komputer dalam Pendidikan Islam dan kajian-kajian lepas yang berkaitan dibincangkan di bahagian ketiga dan keempat.

2.1 Pengenalan

Islam adalah agama yang syumul. Ajarannya meliputi semua aspek kehidupan manusia dan hubungannya tidak terputus dengan penciptaNya. Solat merupakan satu ibadat yang agung dalam Islam dengan kemuliaan pensyariatannya melalui Isra' dan Mi'raj Rasulullah bertemu Allah berbanding ibadat-ibadat yang lain. Di antara kefarduan solat dan mukjizat Isra' dan Mi'raj, terdapat hubung kait yang begitu mendalam dan erat. Apabila Mi'raj Nabi s.a.w dengan jasad dan rohnya ke langit sebagai satu mukjizat, maka Allah s.w.t menjadikan bagi umat Nabi Muhammad s.a.w. Mi'raj ruh pada setiap hari sebanyak lima waktu, di mana roh dan hati mereka

pergi menemui Allah s.w.t bagi memastikan mereka bebas dari kekangan nafsu dan menyaksikan keagungan Allah, kekuasaan serta keesaan Nya, sehingga menjadikan mereka orang yang mulia di atas muka bumi ini.

Solat merupakan ibadat badaniah yang telah diwajibkan ke atas setiap muslim yang mukallaf menunaikannya lima kali dalam sehari semalam, dalam waktu-waktu yang ditentukan.² Solat juga mendidik jiwa seseorang mengerti hakikat ketakwaan, ketenangan, kesabaran, tawakkal, jihad dan berpegang bahawa hanya Allah sahajalah tempat pergantungan yang optimum dalam semua urusan hidup

Allah s.w.t. mentaklifkan solat ke atas mereka yang dipilih memikul amanah nubuwwah dan risalah kerana solat dapat menghubungkan mereka secara langsung dengan Allah. Ia juga menjadi bekal kekuatan rohani dalam melaksanakan amanah yang besar itu seterusnya untuk disampaikan kepada sekelian umat manusia.

2.2 Pendidikan Solat

Solat merupakan perkara penting dan menjadi paksi utama keimanan seseorang mukmin. Ibadat solat merupakan rukun Islam yang kedua selepas mengucap dua kalimah syahadah.¹ Ia adalah tiang agama yang telah difardukan ke atas orang Islam yang mukallaf. Pendidikan solat bermula dari zaman kanak-kanak yang berusia tujuh tahun dan dipukul pada umur sepuluh tahun jika tidak melakukan solat.² Sesiapa yang meninggalkan solat seolah-olah dia merobohkan agama. Kewajipan solat tersebut boleh didapati melalui banyak dalil daripada Al-Quran dan Al-Hadith. Perintah untuk menjaga solat amat-amat dititik beratkan sebagaimana firman Allah S.W.T :

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Prebiu Bab 3

Bab ini akan membincangkan secara terperinci tentang prosedur pengumpulan data serta kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mengumpulkan data bagi melengkapkan kajian ini. Kajian ini dilaksanakan menggunakan salah satu daripada Model Kajian Tindakan. Bab ini merangkumi kajian tindakan, reka bentuk kajian, prosedur kajian, partisipan kajian, kaedah pengumpulan data, teknik dan kaedah analisis data, prosedur penyelidikan dan rumusan bab ini.

3.1 Kajian Tindakan

Menurut Noraini (2013) kajian tindakan merujuk kepada penyelidikan ke atas amalan oleh pengamal, baik secara individu atau mahupun bersama pengamal lain untuk mengubah dan menambah baik amalan sedia ada. Dalam bidang pendidikan, pengamal boleh terdiri daripada seorang guru, pentadbir atau seorang kaunselor sekolah, atau individu lain yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Lazimnya kajian tindakan kajian tindakan merujuk kepada penyelidikan yang dijalankan oleh guru untuk memperbaiki amalan dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut Puteh-Behak (2013), kajian tindakan dijalankan secara kitaran. Menurut Puteh-Behak (2013) lagi, kitaran kajian tindakan merangkumi fasa merancang,

tindakan, pemerhatian dan refleksi. Kajian kitaran yang dinyatakan adalah bersamaan dengan Model kajian Kemmis dan McTaggart (1998) yang mana telah menggariskan empat langkah penting bagi menjalankan kajian tindakan:

- i. membina sesuatu rancangan tindakan bagi memperbaiki sesuatu yang sedang berlangsung
- ii. Melaksana rancangan yang dibina
- iii. Memerhati kesan pelaksanaan dalam konteks bilik darjah dan
- iv. Mereflek atau mengimbas kembali kesan sebagai asas untuk merancang tindakan seterusnya.

Model kajian ini merupakan model yang paling ringkas dan merupakan model yang menyediakan asas utama dalam pelaksanaan kajian tindakan.

3.1.1 Merancang Tindakan

Merancang tindakan merupakan satu rancangan yang dibina untuk bertindak ke arah penambahbaikan setelah mendapat idea untuk memulakan sebuah kajian tindakan. Sebagai permulaan, penyelidik perlu menilai situasi sedia ada bagi mendapatkan maklumat untuk membantunya merancang tindakan yang bakal di ambil. Apabila masalah telah dikenalpasti, pengkaji akan merancang satu tindakan bagi mengatasi masalah yang telah ditemui. Untuk tujuan itu, pengkaji akan menyediakan kerangka kajian seperti objektif kajian, membina soalan kajian, menyatakan kepentingan kajian, membuat rujukan kajian lepas, menentukan kumpulan sasaran kajian, menentukan alat-alat kajian serta merancang tindakan

BAB 4

ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN

4.0 Prebiu Bab 4

Bahagian ini akan membincangkan tentang bagaimana data kajian ini dianalisis. Dengan menganalisis data yang diperolehi, pengkaji dapat melaporkan hasil kajian yang dijalankan dan membuat ulasan mengenai data yang dianalisis. Analisis data adalah berdasarkan objektif kajian.

4.1 Demografi Responden

Merujuk kepada jadual 4.1, responden kajian terdiri daripada 10 orang murid iaitu 6 orang lelaki dan 4 orang perempuan dari Sekolah Pelabuhan Klang di pelabuhan Klang Selangor. Mereka terdiri daripada murid pelbagai tahap pembelajaran dan mempunyai latar belakang keluarga yang berpendapatan sederhana. Pekerjaan ibu bapa terdiri dari pelbagai sektor pekerjaan seperti pekerja kilang, pekerja sektor swasta dan sektor kerajaan.

10 orang responden yang dipilih adalah berdasarkan ujian Pendidikan Islam bulan Mac 2016 dimana kesemua mereka telah diuji secara ujian lisan dalam bacaan rukun qauli dan mereka masih belum dapat menguasai bacaan rukun qauli dalam solat. Berdasarkan lima rukun qauli, kebanyakan mereka masih tidak boleh menghafaz tasyahud awal dan akhir.

JANTINA	FREKUENSI	PERATUS
Lelaki	6	60%
Perempuan	4	40%
Jumlah	10	100%

Jadual 4.1 : Jumlah demografi responden

4.2 Kitaran Pertama

4.2.1 Sejauhmanakah tahap penguasaan bacaan rukun qauli di dalam solat dalam kalangan murid tahun empat Sekolah Kebangsaan Pelabuhan Klang?

.Objektif pertama dalam kajian ini diukur menggunakan ujian pra dan ujian pos mengenai bacaan rukun qauli dalam solat yang dilaksanakan pada kumpulan sasaran. Ujian pra dijalankan sebelum menjalankan proses pembelajaran untuk mengetahui dan meneliti sejauhmana penguasaan bacaan rukun qauli dalam solat setiap murid kumpulan sasaran. Seterusnya pembelajaran menggunakan kaedah simulasi berbantuan powerpoint dijalankan untuk melihat peningkatan penguasaan bacaan rukun qauli murid dalam solat. Ujian pos pertama dan kedua pula dijalankan selepas aplikasi kaedah simulasi berbantuan powerpoint untuk menilai sejauhmana keberkesanan kaedah yang digunakan dalam meningkatkan penguasaan bacaan rukun qauli dalam solat.

Dapatan daripada ujian pos dalam kitaran satu selepas pemerhatian pertama dan ujian pos kedua selepas pemerhatian kedua telah membuktikan bahawa kaedah

BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 Prebiu Bab 5

Dalam bab ini pengkaji akan menerangkan dapatan kajian berdasarkan data yang diperolehi dan dianalisa di dalam bab empat. Kemudian, bab ini juga akan menerangkan kekangan kajian, implikasi kajian terhadap penyelidik, sekolah dan polisi pendidikan. Ia juga akan menerangkan kajian yang akan datang.

5.1 Dapatan Kajian

Dapatan kajian yang telah dijalankan membuktikan bahawa penggunaan kaedah simulasi kepada 10 orang murid semasa intervensi kedua dapat meningkatkan penguasaan bacaan rukun qauli murid. Secara keseluruhannya kajian ini telah mencapai objektif yang ingin dikaji dan dapat menjawab persoalan kajian yang dikemukakan.

5.1.1 Sejauhmanakah tahap penguasaan bacaan rukun qauli di dalam solat dalam kalangan murid tahun empat Sekolah Kebangsaan Pelabuhan Klang?

Hasil analisis yang diperolehi pada kitaran pertama menunjukkan rumusan pemerhatian tahap penerimaan dan pemahaman penggunaan kad menunjukkan bahawa bahawa tahap penerimaan murid terhadap penggunaan kad dalam sesi pengajaran dan pembelajaran menunjukkan seramai 6 orang murid bersamaan 60% memberi respon yang baik semasa guru mengajar menggunakan kaedah kad manakala 4 orang murid yang mewakili 40% tidak memberi tumpuan. Manakala tahap pemahaman murid terhadap penggunaan kad masih di tahap tidak memuaskan kerana hanya 50% yang mewakili 5 orang murid memberi respon positif manakala 50% murid masih di tahap kurang memuaskan iaitu 50% tidak dapat menguasai bacaan rukun qauli dalam solat dengan baik dengan menggunakan kaedah kad. Daripada data-data tersebut pengkaji mendapati tahap penerimaan dan pemahaman murid terhadap penggunaan kad di tahap kurang memuaskan dan ini menunjukkan murid masih belum memahami pengajaran dan pembelajaran yang guru ajar dan penggunaan kaedah kad yang tidak menarik minat murid.

5.1.2 Apakah tahap penerimaan dan pemahaman pelajar terhadap bacaan rukun qauli dalam solat di kalangan pelajar Tahun EMPAT apabila menggunakan kaedah kad?

Pemerhatian juga dilakukan bagi mencapai objektif yang pertama iaitu penguasaan murid dalam bacaan rukun qauli dalam solat melalui pemerhatian. Objektif ini diukur berdasarkan pemerhatian yang dijalankan ketika proses pembelajaran dilaksanakan.

Rujukan

Al Quran dan terjemahan

Asmawati Suhid & Lukman Abdul Mutalib (2008). *Tinjauan Terhadap Pelaksanaan Kem Bestari Solat*. Journal of Islamic and Arabic

Abdullah Ishak (1995). *Pendidikan Islam Dan Pengaruhnya Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Muhammad Zakaria (1991). *Amalan Sembahyang dikalangan Pelajar Sekolah Menengah. Satu kajian di beberapa buah sekolah di Kota Bharu*. Kertas Projek Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya .

Amy Sharimie Binti Saripudin (2009). *Pendekatan Bimbingan Rukun Solat Murid Tahun Empat Menggunakan Kaedah Mnemonik Berbantuan Multimedia*. Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP Pendidikan Islam amb. Januari 2009, Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012, ms 243-255.

Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. 2010. *Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berteraskan konsep Mu'allim*. Journal of Islamic and Arabic Education. 2 (1): 43-51

Ahmad Mohd Salleh. (2008). *Pengajian Agama Islam & j-QAF: Metodologi dan Pedagogi Pendidikan*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd

Azizi Yahaya (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: BS Print (M) Sdn Bhd.

Blai, B (1988). *Technology in Education*. International Journal Of Instructional Media. 195-200

Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia (2010).
Dokumen Standard Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Tahun Empat.Kementerian Pendidikan Malaysia

Ghazali Darusalam & Sufean Hussin (2016). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan.Amalan Dan Analisi Kajian..* Kuala Lumpur . Penerbit Universiti Malaya

Kamarulzaman Abd Ghani (2002). *Prosiding Kebangsaan Profesion Perguruan*
.Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kamarul Azmi dan Ab Halim Tamuri (2007). *Pendidikan Islam .Kaedah pengajaran dan Pembelajaran*.Universiti Teknologi Malaysia.

Mok Soon Sang (2002).*Pendidikan Di Malaysia*.Kuala Lumpur.Kumpulan Budiman Sdn Bhd

Noraini Idris(2013).*Penyelidikan Dalam Pendidikan*.Edisi Kedua Mc Grawhill Education.